

03 APR 2001

RRJP3-PEMBELAJARAN

PEMEGANG IJAZAH SARJANA MENGAJAR SEKOLAH RENDAH

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Murid-murid sekolah rendah bukan sahaja akan menerima pendidikan daripada lebih ramai guru lepasan ijazah dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) tetapi sebahagian daripada guru-guru itu juga mungkin memiliki ijazah sarjana serta kelayakan dalam psikologi kanak-kanak.

Sejajar dengan peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, langkah itu adalah untuk memastikan guru-guru memiliki kecekapan tinggi dalam mengajar kerana proses pembelajaran di sekolah rendah menyediakan asas bagi kebolehan pembelajaran pelajar dan penyerapan pengetahuan.

Ini adalah antara beberapa langkah yang akan diambil oleh kerajaan dalam menghasilkan tenaga buruh yang berpengetahuan dan mempunyai kemahiran pemikiran yang tinggi sejajar dengan globalisasi dan kemajuan pesat dalam teknologi, demikian menurut Laporan RRJP3 yang dikeluarkan Oleh Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Langkah lain termasuklah mengkaji semula kurikulum sekolah untuk memupuk kemahiran berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri di kalangan pelajar, terutama di peringkat menengah dan rendah.

"Pendidikan asas yang kukuh adalah asas bagi membina tenaga kerja yang berkemahiran untuk bersaing dalam pasaran dunia," kata laporan itu.

Laporan itu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat di sini hari ini, menyatakan sekolah-sekolah akan disediakan dengan kemudahan untuk membolehkan mereka mengajar lebih banyak matapelajaran menggunakan pengajaran teknologi multimedia interaktif dan berasaskan web.

Teknologi perkomputeran mudah alih akan diperkenalkan di sekolah-sekolah di luar bandar dan kawasan terpencil agar mereka turut sama menikmati faedah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Selain menghubungkan majoriti sekolah-sekolah termasuk yang berada di kawasan luar bandar dan terpencil menerusi Internet menjelang tahun 2020, satu mekanisme akan dibentuk untuk menghubungkan sekolah-sekolah dengan industri bagi memastikan kurikulum sekolah relevan dengan industri tersebut.

"Industri-industri akan digalakkan menerima pelajar sekolah menengah tinggi dan pelajar kolej menyertai latihan amali ketika cuti sekolah dan pengajian kolej," kata laporan itu.

Rancangan lain termasuklah mengubah universiti menjadi pusat bagi mengujudkan modal intelektual dan pengetahuan baru sebagai tambahan kepada peranannya menghasilkan tenaga kerja di masa depan untuk negara.

"Ini bergantung kepada kebolehan mereka menghasilkan kumpulan penyelidik berkaliber tinggi yang bergiat aktif dalam pendidikan dan pembangunan (R&D) serta mengusahakan kegiatan penyelidikan yang mempunyai daya maju komersil.

"Sehubungan itu, beberapa universiti awam sedia ada akan disusun semula untuk menjadi universiti penyelidikan yang menumpukan kepada program ijazah lanjutan," tambah laporan itu.

Institusi swasta juga akan digalakkan meningkatkan penglibatan mereka dalam menyediakan pendidikan di semua peringkat dan memberikan insentif kepada universiti yang menawarkan kursus teknikal dan perubatan. Ia termasuklah keanjalan tinggi dalam mengupah tenaga pengajar asing dan melonggarkan syarat-syarat ketat imigrasi.

Dalam menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, kerajaan, menurut

laporan itu akan menyediakan kursus latihan dan program pendidikan yang mampu dibiayai yang disediakan menerusi Internet atau media ICT lain.

Menurut laporan itu pertumbuhan masa depan dan pembangunan ekonomi didorong oleh industri berasaskan pengetahuan dalam semua sektor terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, industri berasaskan teknologi tinggi dan sains serta industri berintensifkan pengetahuan seperti ICT, industri farmasi serta kegiatan R&D akan menjana pekerjaan yang memerlukan pendidikan tertinggi terutama yang dilatih dalam disiplin sains dan teknologi.

Pertumbuhan produktiviti buruh dalam RRJP3 dijangka meningkat sebanyak 4.2 peratus setahun bagi semua sektor sejajar dengan peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

Laporan itu menyatakan penduduk Malaysia dijangka meningkat kepada 28.9 juta pada 2010 pada kadar purata pertumbuhan 2.2 peratus setahun. Kadar pertumbuhan rendah berbanding 2.5 peratus setahun yang dicapai ketika RRJP2 dan ini dikaitkan dengan penurunan berterusan dalam keseluruhan kadar kesuburan kerana lebih ramai wanita meneruskan pendidikan atau latihan di peringkat lebih tinggi. Kadar kesuburan adalah jumlah bilangan anak yang boleh dilahirkan oleh wanita dalam lingkungan umur kesuburan.

Kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun dijangka meningkat daripada 62.9 peratus pada 2000 kepada 65.7 peratus pada 2010.

Sementara itu, saiz tenaga kerja dijangka meningkat sebanyak 3.1 peratus setahun atau tambahan 3.3 juta dalam tempoh RRJP3 untuk mencapai 12.9 juta pada 2010.

"Pertumbuhan tenaga pekerja dikaitkan dengan peningkatan dalam saiz populasi umur bekerja dan dalam kadar penglibatan tenaga kerja (LFPR) daripada 65.5 peratus pada 2000 kepada 68.1 peratus pada 2010," tambah laporan itu.

Penglibatan tenaga kerja wanita dijangka meningkat daripada 44.5 peratus pada 2000 kepada 49.0 peratus pada 2010, dengan lebih banyak penyertaan dalam kumpulan profesional dan teknikal.

Menurut laporan itu, permintaan bagi buruh akan meningkat pada kadar purata 3.1 peratus setahun dengan jangkaan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan ini akan membawa pertambahan dalam jumlah pekerjaan daripada 9.3 juta pada 2000 kepada 12.6 juta pada 2010.

Sektor perkhidmatan dijangka terus mempunyai bahagian besar dalam jumlah pekerjaan di mana menjelang tahun 2010, ia akan meningkat kepada 51.5 peratus, menyumbang 59.4 peratus daripada pengujudan jumlah pekerjaan.

Pada akhir RRJP3, bahagian pekerjaan sektor pertanian dijangka menyumbang 9.8 peratus daripada jumlah pekerjaan dan penurunan itu adalah disebabkan oleh pengenalan kaedah penanaman berteknologi tinggi dan peladangan secara besar-besaran serta peningkatan dalam tahap mekanisasi.

-- BERNAMA

AFY SHY ZK OS